

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

ATP201 - PERAKAUNAN KEWANGAN II

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan-soalan daripada BAHAGIAN A adalah **WAJIB**. Pilih dan jawab **SATU** soalan daripada BAHAGIAN B dan **SATU** soalan daripada BAHAGIAN C.

**BAHAGIAN A (WAJIB)**

1. Anda dikehendaki memeriksa semula penyata kewangan Syarikat Sudirman Sdn. Bhd. untuk tahun 1990. Penyimpan kira-kira telah menyerahkan rekod kewangan syarikat yang beroperasi sejak 2 Januari, 1984 seperti berikut:

Syarikat Sudirman Sdn. Bhd.  
Kunci kira-kira untuk tahun 31/12/1990

<b><u>Aset</u></b>		<b><u>Liabiliti</u></b>	
<b>Aset semasa</b>	\$ 940,550	<b>Liabiliti semasa</b>	\$ 481,200
<b>Lain-lain aset</b>	<b>\$2,585,700</b>	<b>Liabiliti jangka panjang</b>	<b>\$ 719,750</b>
	<hr/>	<b>Modal</b>	<b>\$2,325,300</b>
	<hr/>		<hr/>
	<b>\$3,526,250</b>		<b>\$3,526,250</b>
	<hr/>		<hr/>

...2/-

ATP201

Aset semasa:

Tunai (dikhas untuk pembinaan loji \$225,000)	\$ 285,500
Tanah sebagai pelaburan	\$ 92,500
Akaun belum terima (-) elaun Hutang lapuk \$20,000	\$ 240,000
Inventori (MKKD)	\$ 322,550
	-----
	\$ 940,550

Lain-lain aset:

Belanja bayar dulu	\$ 23,700
Loji/peralatan (-) susutnilai terkumpul \$650,000	\$2,065,000
Tunai diterima daripada polisi	
Insuran yang telah matang	\$ 42,000
Diskaun bon diperlunaskan	\$ 24,750
Nota belum terima (jangka pendek)	\$ 81,150
Muhibbah pada nilai kos (-) perlunasan \$16,500	\$ 126,000
Tanah	\$ 223,100
	-----
	\$2,585,700

Liabiliti semasa:

Akaun belum bayar	\$ 225,000
Nota belum bayar (matang 1992)	\$ 78,700
Anggaran cukai pendapatan	\$ 72,500
Premium saham biasa	\$ 75,000
	-----
	\$ 481,200

Liabiliti jangka panjang:

Hasil tertangguh	\$ 244,750
Dividen belum bayar	\$ 100,000
8% bon belum bayar (matang pada 1 Mei, 1995)	\$ 375,000
	-----
	\$ 719,750

...3/-

**Modal:**

P/tertahan (tidak terhad)	\$ 585,300
Modal saham, nilai par \$1.00 dibenarkan 1,000,000 syer	\$ 920,000
diterbitkan 920,000 syer	\$ 820,000
Rezab untuk kontingensi	
	<hr/>
	\$2,325,300
	<hr/>

**Maklumat yang berkaitan**

- (a) Pada 1 Mei, 1990, Syarikat Sudirman telah mengeluarkan bon bernilai \$375,000 untuk pembiayaan lojinya. Perjanjian bon jangka panjang adalah termasuk bayaran bunga tahunan untuk setiap 1 Mei. Loji telah dicagar untuk pinjaman bon. Gunakan kaedah garis lurus untuk mengira diskau pelunasan.
- (b) Penyimpan kira-kira telah membuat kesalahan berikut:
- (i) Dalam tahun 1988, baki akhir inventori telah terlebih catat sebanyak \$915,000. Baki akhir inventori untuk tahun 1989 dan 1990 telah dikira dengan betul.
  - (ii) Dalam tahun 1990, gaji terakru sebanyak \$13,750 tidak dimasukkan dalam kunci kira-kira dan belanja ini juga tidak dicatat dalam penyata pendapatan.
  - (iii) Dalam tahun 1990, untung \$87,500 (cukai bersih) daripada jualan aset telahpun dikreditkan dalam akaun perolehan tertahan.
- (c) Pada 28/1/1991 ketika anda sedang memeriksa akaun syarikat, loji syarikat telah terbakar dan kerugian tidak dibayar oleh pihak insuran. Walau bagaimanapun akhbar tempatan telahpun membuat laporan kebakaran secara terperinci.

...4/-

**Dikehendaki:**

**Sediakan semula kunci kira-kira Syarikat Sudirman Sdn. Bhd. seperti pada 31/12/1990 mengikut prosedur yang diterima umum. Jika ada, nyatakan nota yang perlu dibentangkan.**

[30 markah]

- 2. Secara ringkas jelaskan kandungan dan sumbangan IAS kepada cara pembentangan penyata kewangan di Malaysia. Pilih SATU sahaja.**

**(a) IAS 17.**

**atau**

**(b) IAS 1.**

**atau**

**(c) IAS 23.**

[10 markah]

- 3. Apakah perbezaan di antara:**

**(a) Hasil dan untung.**

**(b) Belanja dan kerugian.**

**Bagaimanakah perkara (a) dan (b) boleh dihubung kaitkan dengan aset liabiliti dan ekuiti?**

[10 markah]

...5/-

**BAHAGIAN B**

Pilih **SATU** soalan sahaja.

4. Syarikat Tunas Muda Sdn. Bhd. telah menyewakan sebuah jentera barunya kepada Syarikat Tunas Tua Sdn. Bhd. untuk tempoh selama 5 tahun. Perjanjian berkuatkuasa pada 1 Januari, 1990 dan tidak boleh dipinda. Mengikut syarat pajak, bayaran sebanyak \$21,000 perlu dibayar pada awal setiap tahun bermula pada 1 Januari, 1990. Syarikat Tunas Muda bertanggungjawab untuk bayaran insuran, cukai dan kos pembaikan yang wujud ke atas jentera itu. Usiaguna jentera dianggarkan untuk tempoh 12 tahun. Nilai pasaran jentera bernilai \$160,000 juga merupakan kos belian Syarikat Tunas Muda. Jentera dijangka akan mempunyai nilai pasaran sebanyak \$45,000 pada tarikh akhir tempoh pinjaman pajak. Syarat perjanjian tidak mencatat tawaran bayaran tawar menawar atau opsyen pembaharuan. Pemberi pajak dan pemajak membuat pelarasian di dalam buku akaun perniagaan pada 31 Disember setiap tahun. Bayaran sewa akan dikutip mengikut jadual dan tidak ada lain-lain kos yang dijangka akan ditanggung oleh pemajak. Kadar pinjaman yang ditanggung oleh Syarikat Tunas Tua Sdn. Bhd. ialah sebanyak 10% dan kadar faedah Syarikat Tunas Muda Sdn. Bhd. ialah 9% yang tidak diketahui oleh pemajak (Syarikat Tunas Tua Sdn. Bhd.).

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan jenis pajak di atas dan sebabnya anda berkata demikian.
- (b) Sediakan catatan jurnal perjanjian pajak dan kedudukan aset untuk tahun 1990 untuk pihak pemajak dan pemberi pajak dengan mengambil kira:
  - (i) Insuran \$1,400.
  - (ii) Cukai \$480.
  - (iii) Pembaikan \$1,300.
  - (iv) Garis lurus dan nilai sisaan \$10,000.

Nota: (I) Nilai kini anuiti untuk \$1  
 $n = 5, i = 10\% = 4.16986$

(II) Nilai kini untuk \$1 pada kadar 10% untuk 5  
tahun = .62092

[25 markah]

5. Pada 1 Februari, 1988 Syarikat Perniagaan ABC telah membeli sebidang tanah bertujuan untuk membina sebuah gudang perniagaannya. Pembinaan gudang bermula pada 1 Mac, 1988 iaitu setelah tanah siap dibersihkan. Berikut ialah perbelanjaan yang terlibat dengan pembinaan gudang syarikat:

<u>Tarikh</u>	<u>Perkara</u>	<u>Perbelanjaan</u>
1/2/1988	Tanah	\$ 49,500
1/2/1988	Bayaran guaman untuk tanah	\$ 1,200
28/2/1988	Kos membersih hutan atas tanah	\$ 3,900
1/3/1988	Bayaran kepada kontraktor	\$ 80,000
1/6/1988	Bayaran kepada kontraktor	\$ 35,000
1/9/1988	Bayaran kepada kontraktor	\$ 30,000
31/10/1988	Bayaran untuk kawasan letak kereta	\$ 19,000
15/11/1988	Bayaran untuk tanaman rumput kawasan gudang	\$ 2,300
	Jumlah kos	\$220,900

Gudang perniagaan telah siap diguna pada 1/11/1988 iaitu apabila barang perniagaan telah diterima untuk disimpan.

Kos pembinaan gudang adalah melalui pembiayaan pinjaman sebanyak \$50,000 daripada Bank XYZ. Pinjaman bermula pada 1/5/1988 dengan kadar kepada 15%, melalui 2 tahun nota dan bayaran faedah setahun sekali dibayar pada setiap 1 Mei. Selain daripada pinjaman di atas, syarikat juga mempunyai tanggungan hutang seperti berikut:

- 12% untuk bon 10 tahun tarikh 1/5/1984  
Bayaran faedah dibayar untuk setahun sekali pada 1/5 \$200,000

...7/-

- 18% nota, 1 tahun yang matang pada  
1 Januari, 1989, faedah akan dibayar  
pada tarikh matang \$100,000

Bayaran guaman belian tanah telah dipermodalkan. Kos untuk  
membersih hutan atas tanah telah dianggap kos tanah.  
Kawasan tanaman rumput dijangka mempunyai usia guna selama 10  
tahun.

Dikehendaki:

(a) (i) Mengira perbelanjaan purata wajar.

(ii) Bunga sebenar.

(iii) Bunga dielakkan.

(Nota: Bunga dipermodalkan bermula pada tarikh  
tanah dibeli).

(b) Terangkan bagaimana kedudukan pembentangan penyata  
kewangan ABC untuk tahun 1988 dan tunjukkan jumlah  
bunga yang perlu dicatatkan.

(c) Rekodkan semua aktiviti di atas dalam bentuk jurnal.

[25 markah]

...8/-

**BAHAGIAN C**

Jawab **SATU** soalan sahaja.

6. (a) Sebagai rakan kongsi, anda telah terlibat di dalam pemeriksaan audit Syarikat Elektronik Sdn. Bhd. yang mempunyai jualan tahunan sebanyak \$60 juta. Syarikat adalah pengeluar utama Radio Elektronik dan juga mempunyai bahagian operasi (X) yang mengeluarkan alat ganti elektronik untuk kapal. Jualan bahagian operasi (X) dianggar berjumlah \$10 juta.

Dalam bulan Februari, 1989, ketika anda sedang menyemak akaun syarikat, anda telah terdengar perbincangan di antara pengurus syarikat, bendahari dan pengawal akaun mengenai rancangan untuk menjual bahagian operasi (X) yang dijangka akan berlaku dalam bulan Jun.

Pengurus syarikat berpendapat bahawa jualan bahagian operasi (X) tidak perlu ditunjukkan secara berasingan dalam penyata pendapatan. Ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan pelabur. Walau bagaimanapun bendahari syarikat tidak setuju dengan pendapat Pengurus syarikat dan berpendapat jika sesuatu perkara dianggap tidak normal atau jarang-jarang berlaku, maka perkara tersebut mesti ditunjukkan sebagai perkara luar biasa. Oleh itu jualan bahagian operasi (X) mesti dibentangkan secara berasingan tetapi tidak di dalam perkara luar biasa.

Sebagai juruaudit, jualan bahagian operasi (X) tidaklah perkara baru, kerana anda telahpun membacanya di dalam minit mesyuarat syarikat pada 16/12/1988. Minit telah pun mencatat bagaimana rancangan untuk menjual bahagian operasi (X) dan asetnya pada 30/6/1989 kepada pelanggan yang telahpun setuju untuk membelinya. Pihak pengarah telah menganggarkan untung bersih sebanyak \$500,000 sehingga pada tarikh jualan.

Pada masa yang sama, anda juga terdengar pertentangan pendapat di antara pengurus dengan pegawai kewangan mengenai dua perkara yang berlaku pada tahun lepas iaitu peristiwa mogok dan jualan aset komputer syarikat (yang digunakan dalam bahagian pemprosesan). Pengurus bercadang untuk membentangkan dua perkara di atas sebagai perkara luar biasa. Cadangan ini tidak dipersetujui oleh pengawal kewangan.

Akhir sekali, bendahari syarikat berpendapat peraturan kerajaan yang diterbitkan bulan lepas telah mengakibatkan inventori bahan mentah syarikat tidak boleh digunakan lagi di dalam proses pengeluaran. Oleh kerana itu, bendahari akan mengiktirafkan kerugian bahan mentah sebagai perkara luar biasa. Peraturan baru kerajaan menetapkan standard bahan mentah yang berbeza daripada standard bahan mentah yang sedia ada. Syarikat tidak ada pilihan untuk menggunakan semula bahan mentah di dalam proses pengeluaran. Akhir sekali pengawal kewangan berpendapat perbincangan adalah 'Akademik' dan oleh kerana kesan ketiga perkara di atas tidak dianggap "kematanan", maka pembentangan dalam penyata kewangan adalah tidak perlu.

Dikehendaki:

- (a) Adakah penamatan operasi bahagian operasi (X) dianggap layak untuk pembentangan segmen perniagaan? Jika ia, kenapa?
- (b) Adakah bahagian operasi (X) dianggap layak sebagai item penamatan operasi? Kenapa?
- (c) Adakah kandungan di dalam minit mesyuarat menetapkan tarikh perancangan 'penamatan formal'? Jika tidak, kenapa? dan jika ya, nyatakan apakah syarat' minima yang perlu wujudkan dalam penamatan operasi.

- (d) Bilakah agaknya untung perlu diiktirafkan? Dan jika sekiranya berlaku kerugian, bagaimanakah caranya pengiktirafannya.
- (e) Di antara perbincangan di atas siapakah yang dianggap tepat mengenai pembentangan jualan bahagian operasi (X) dan bagaimanakah pembentangan akan ditunjukkan untuk tahun 1990.
- (f) Di dalam tiga perkara berikut:
- (i) Peristiwa mogok,
  - (ii) Jualan aset tetap, dan
  - (iii) Peraturan baru kerajaan
- Dianggap perkara luar biasa. Pada pendapat anda siapakah yang tepat mengenai cara pembentangan ini.
- (g) Apakah pandangan anda mengenai pendapat pengawal kewangan dengan isu 'kematanan'?
- (h) Apakah pandangan anda mengenai kedudukan perolehan sesyer syarikat berkaitan dengan kes di atas?

[20 markah]

- (b) Secara ringkas dan tepat jelaskan andaian pengiktirafan hasil.

[5 markah]

7. (a) Akaun Syarikat Mawar Sdn. Bhd. tidak pernah diperiksa oleh juruaudit untuk tempoh sebelum tahun 1986. Walau bagaimanapun pada akhir tahun 1986, sebelum juruaudit dijemput untuk membuat pemeriksaan akaun, akauntan Syarikat telah menyediakan penyata kewangan perbandingan untuk tahun 1985 dan 1986. Mengikut penyata, syarikat mempunyai pendapatan sebanyak \$88,000 untuk tahun 1985 dan \$92,000 untuk tahun 1986. Baki perolehan tertahan bernilai \$360,000 pada akhir tahun 1985 dan \$410,000 pada akhir tahun 1986.

Ketika pemeriksaan audit dijalankan, juruaudit telah mendapati invois belian mesin sebanyak \$20,000 untuk tahun 1982 dibayar tunai telah tersalah rekod di dalam akaun belanja operasi. Mesin X dianggar mempunyai usia guna untuk 10 tahun dan tidak mempunyai nilai sisaan. Syarikat telah menggunakan kaedah garislurus.

Dikehendaki:

- (i) Apakah jenis perubahan perakaunan di atas?
- (ii) Sediakan catatan jurnal untuk tahun 1986.
- (iii) Jelaskan bagaimana perubahan di atas akan memberi kesan di dalam penyata perbandingan syarikat.

**Nota:** Sila guna angka pendapatan dan perolehan tertahan untuk kiraan dan abaikan kesan cukai.

[15 markah]

- (b) Secara ringkas dan tepat, jelaskan keadaan kontingen selepas tarikh kunci kira-kira.

[5 markah]

- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan "Substance over Form".

[5 markah]

----ooo0000000----